

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
(KOTA RAJA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.11.2017**

**Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [ KOTA RAJA ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kelayakan dan pengalaman bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar dalam bidang pengangkutan awam yang melayakkan beliau dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat,

Prasarana Malaysia Berhad, syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) merupakan syarikat pengendali dan pemilik aset pengangkutan awam terbesar di Malaysia yang turut meliputi meliputi perkhidmatan bas di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan

Kuantan serta perkhidmatan MRT, LRT dan monorel.

Perlantikan Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad, adalah sangat bertepatan berdasarkan kewibawaan, pengalaman dan kemampuan beliau sebagai pemimpin yang terbukti sepanjang perkhidmatan beliau dalam pasukan Polis Di Raja Malaysia yang beliau ceburi sejak 1976.

Di samping pengalaman dan kualiti dalam kepimpinan dan pengurusan organisasi besar yang beliau miliki, pengalaman luas dan mendalam Tan Sri Dato' Sri Khalid dalam bidang keselamatan dan sekuriti akan dapat memantapkan lagi aspek keselamatan dan sekuriti dalam perkhidmatan pengangkutan awam yang disediakan oleh Prasarana.